




**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **64 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **53,621 kes**. Satu (1) kes kematian dilaporkan hari ini iaitu di daerah Kota Kinabalu. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
  
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital/ sembuh ialah 121 menjadikan jumlah kumulatif 52,411 orang. Manakala, pesakit sedang menerima rawatan merangkumi 584 orang iaitu 210 orang di hospital manakala 374 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU ialah 19 orang dan lapan (8) orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Papar berubah dari zon jingga ke zon kuning.

4 Pada hari ini, tiada kluster baharu direkodkan.

5 Daripada 64 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 32 kes (50%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 11 kes (17.2%), saringan kluster sedia ada 15 kes (23.4%) dan enam (6) kes (9.4%) adalah dari lain-lain kategori.

- 6 Jumlah kapasiti katil 5,001 unit
- Hospital 744 unit
  - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,767 unit
  - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 490 unit.
- Peratus penggunaan katil 11.68%.

## **B STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

Setakat ini, seramai **2,178** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **14,065** orang.

## **C BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Sejumlah **284,180** bakul makanan diagihkan pada hari ini kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

## **D LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 27 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 10,808 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, empat (4) buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 73 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.

- 2 Pihak pengurusan di semua sekolah dinasihatkan agar terus mematuhi dan memantau SOP yang ditetapkan terutama pada waktu puncak. Ia bagi mengelakkan kesesakan ketika para ibu bapa mengambil menghantar dan mengambil anak-anak.
- 3 Sebanyak lima (5) kompaun dikeluarkan pada hari ini:
  - Kota Kinabalu : tiga (3) orang - dua (2) orang tidak memakai pelitup muka di tempat awam dan satu (1) orang tidak mengimbas kod QR My Sejahtera.
  - Papar : satu (1) orang tidak memakai pelitup muka di tempat awam.
  - Sandakan : satu (1) orang tidak mengimbas kod QR MySejahtera.
- 4 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin melibatkan 40 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 14 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Tiada tangkapan dibuat.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 458 lokasi melibatkan seramai 199 anggota APM.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di empat (4) premis, melibatkan dua (2) buah daerah iaitu daerah Sandakan dan Semporna.
- 7 Sejumlah 78 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 14 daerah pada hari ini. Hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Inggeris dan pelbagai bahasa etnik Sabah.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 157 hebahan di seluruh Sabah.

**E KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPP pada hari ini ialah **95.3%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Sipitang	96%
2	Kinabatangan	96%
3	Semporna	96%
4	Beluran	96%
5	Kunak	96%
6	Tenom	96%
7	Beaufort	96%
8	Ranau	96%
9	Kudat	95.5%
10	Kota Belud	95%
11	Kota Marudu	95%
12	Tuaran	95%
13	Kota Kinabalu	95%
14	Penampang	95%
15	Papar	95%
16	Lahad Datu	95%
17	Sandakan	94%
18	Tawau	94%
19	Keningau	93%

- 2 Ayuh, daftarkan dkiri anda untuk vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

**Sekian.**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**

**09 Mac 2021**